# Garis Panduan Penyerahan dan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UMS




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018 [Pindaan 2021]

## 1. NAMA

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Penyerahan dan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UMS 2018 [Pindaan 2021].

## 2. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini dihasilkan adalah untuk:

a) membantu pelajar pascasiswazah menulis tesis / disertasi dengan mengikut format yang seragam.
b) menerangkan secara ringkas konsep yang perlu ada dalam penulisan tesis / disertasi.
c) memberi panduan kepada penyelia dan Pusat Pengajian Pascasiswazah mengenai keseragaman bentuk penulisan tesis / disertasi.

## 3. TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, dinyatakan butiran takrifan melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna lain:

a) Tesis: Laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Secara Penyelidikan dan Doktor Falsafah.
b) Disertasi: Laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Secara Kerja Kursus.
c) Calon/Pelajar: Seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Pascasiswazah di Universiti Malaysia Sabah (UMS).
d) Penyelia: Ahli Akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Senat untuk menyelia pengajian pelajar.
e) Tesis/Disertasi Lengkap: Naskhah berjilid keras yang telah melalui proses pembaikan.

## 4. MAKLUMAT TAMBAHAN

Penyerahan Tesis /Disertasi
Calon dikehendaki menyerahkan tesis / disertasi lengkap setelah diperiksa dan diperbaiki mengikut panduan yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah.

a) Syarat Penganugerahan Ijazah

Pelajar dikehendaki memenuhi syarat ini bagi membolehkan mereka menerima ijazah masing-masing. Universiti tidak akan menganugerahkan ijazah kepada calon yang gagal berbuat demikian.

b) Simpanan Naskhah Tesis / Disertasi

Tiga (3) naskhah tesis / disertasi berjilid keras dan satu keping salinan cakera padat (CD) format PDF perlu diserahkan oleh pelajar kepada pihak berikut:

i. Satu keping salinan cakera padat (CD) bersama satu naskhah berjilid keras disimpan di Perpustakaan Universiti.
ii. Satu naskhah berjilid keras diserahkan kepada Fakulti.
iii. Satu naskhah berjilid keras diserahkan kepada penyelia.

c) Plagarisme

Pihak Universiti Malaysia Sabah memberikan kemudahan penggunaan perisian penyemak plagiarisme kepada pelajar untuk membantu mereka dalam menangani masalah plagiarism. Untuk tujuan penghantaran deraf tesis / disertasi bagi peperiksaan lisan Viva Voce, calon dikehendaki untuk menghantar satu salinan keputusan penyemak plagiarisme (tidak melebihi 30% kesamaan) yang telah disahkan oleh penyelia ke Pusat Pengajian Pascasiswazah. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan peperiksaan lisan Viva Voce tidak akan dilaksanakan.

d) Hak Milik Universiti

Semua tesis / disertasi menjadi hak milik kekal Universiti Malaysia Sabah, iaitu hak cipta bentuk asal adalah dipunyai oleh Universiti, bukan penulis tesis / disertasi. Sebarang penerbitan yang melibatkan tesis / disertasi atau sebahagian daripadanya perlu mendapat kebenaran daripada pihak Universiti terlebih dahulu.

# 5. PANDUAN PELAJAR

## PENCALONAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR

## PERINGKAT PERTAMA;

| TINDAKAN | PROSES 1 | PROSES 2 |
|---|---|---|
| **PELAJAR** | Muat turun dan Lengkapkan **Borang Notis Penyerahan Tesis/Disertasi** kemudian hantar ke F/P/I masing – masing. | Menyediakan Tesis (3 set – Sarjana, 4 Set – PhD) **Soft Cover, Double Sided Pages.* |
| **PENYELIA** | Ulasan dan Pengesahan **Borang Notis Penyerahan Tesis/Disertasi** pelajar. | |
| **FAKULTI / PUSAT / INSTITUT (F/P/I)** | Sokongan dan Pengesahan **Borang Notis Penyerahan Tesis/Disertasi** pelajar di peringkat Mesyuarat F/P/I bagi Cadangan Pemeriksa Luar dan Dalam. | |
| **PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PPPS)** | Pengesahan **Pemeriksa Tesis** pelajar di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pascasiswazah. | Pelantikan Pemeriksa Dalam dan Luar<br><br>Memaklumkan kepada pelajar bagi penghantaran tesis ke PPPS |
| **MESYUARAT SENAT** | Kelulusan **Pemeriksa Tesis** pelajar di peringkat Mesyuarat Senat. | |

**PENGHANTARAN TESIS PELAJAR**

**PERINGKAT KEDUA;**

| TINDAKAN | PROSES 1 | PROSES 2 | PROSES 3 |
|---|---|---|---|
| **PELAJAR** | Muat turun dan lengkapkan **Borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan** kemudian hantar ke F/P/I masing – masing. | Penghantaran Tesis kepada PPPS + **Borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan** **Soft Cover, Double Sided Pages.* | Pemakluman Tarikh *Viva Voce* |
| **PENYELIA** | Ulasan dan Pengesahan **Borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan** pelajar. | | |
| **FAKULTI / PUSAT / INSTITUT (F/P/I)** | Sokongan dan Pengesahan **Borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan** pelajar. | | |
| **PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PPPS)** | | Penghantaran Tesis kepada Pemeriksa Luar dan Dalam. | Pemilihan dan Pengesahan Tarikh *Viva Voce* selepas terima Laporan Pemeriksa |
| **PEMERIKSA** | | Menerima Tesis Pelajar Tempoh Pemeriksaan; **Sarjana – 1 bulan** **PhD – 2 bulan** | Hantar Laporan Pemeriksaan kepada PPPS |

## <u>PELAKSANAAN PEPERIKSAAN LISAN (SIDANG VIVA VOCE)</u>

## PERINGKAT KETIGA (KEPUTUSAN: 1-3 BULAN/3-6 BULAN);

| TINDAKAN | PROSES 1 | PROSES 2 | PROSES 3 |
|---|---|---|---|
| **PUSAT PENGAJIAN PASCA SISWAZAH (PPPS)** | • Sidang *viva voce* berlangsung<br>• Surat Keputusan dan Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* diberikan kepada pelajar | • Terima tesis selepas pembetulan daripada pelajar berserta Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* untuk pengesahan dan **serahan semula tesis** kepada pelajar setelah selesai semakan format / gaya penulisan | • Terima ***Hardcover*** dari pelajar<br>• Nama pelajar disahkan dalam **Mesyuarat JKP dan Mesyuarat Senat** (**Lulus & Tamat Pengajian**) |
| **PEMERIKSA** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada Pemeriksa Luar/Dalam untuk makluman dan rujukan | • **Pemeriksa Dalam** tandatangan Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* | |
| **PENYELIA** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada Penyelia untuk makluman dan rujukan | • **Penyelia** tandatangan Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* | |
| **FAKULTI / PUSAT / INSTITUT / AKADEMI (F/P/A/I)** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada F/P/A/I untuk makluman dan rujukan | • **Dekan** tandatangan Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* | |
| **PELAJAR** | • Terima Surat Keputusan, Borang PPPS/HEA-Pep/0004 *[pindaan 2017]* serta salinan laporan Pemeriksa (L/D) | • Membuat pembetulan pada tesis bersama Pemeriksa (Dalam) dalam tempoh masa pembetulan yang ditetapkan | • Dimaklumkan mengenai Surat Lulus & Tamat Pengajian |

## PELAKSANAAN PEPERIKSAAN LISAN (SIDANG VIVA VOCE)

**PERINGKAT KETIGA (KEPUTUSAN: TANGGUH 12 BULAN)** ****Tanpa viva voce semula;***

| TINDAKAN | PROSES 1 | PROSES 2 | PROSES 3 | PROSES 4 |
|---|---|---|---|---|
| **PUSAT PENGAJIAN PASCA SISWAZAH (PPPS)** | • Sidang *viva voce* berlangsung<br>• Surat Keputusan dan Borang PPPS/HEA-Pep/0003 *[pindaan 2016]* diberikan kepada pelajar | • Terima tesis selepas pembetulan daripada pelajar berserta Borang PPPS/HEA-Pep/0003 *[pindaan 2016]* untuk pengesahan dan **serahan semula tesis** kepada Pemeriksa Luar & Dalam untuk tujuan pemeriksaan semula mengikut tempoh pemeriksaan asal: | • Penghantaran Tesis kepada Pemeriksa Luar dan Dalam | • Menerima Laporan Pemeriksaan kali kedua<br>• Mengadakan Perbincangan Semula Keputusan Sidang viva voce (Dalaman)<br>• **Pemakluman keputusan kepada Pelajar** |
| **PEMERIKSA** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada Pemeriksa Luar/Dalam untuk makluman dan rujukan | | Menerima Tesis Pelajar Tempoh Pemeriksaan;<br>• **Doktor Falsafah – 2 Bulan**<br>• **Sarjana – 1 Bulan** | • Menghantar Laporan Pemeriksaan Tesis kepada PPPS |
| **PENYELIA** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada Penyelia untuk makluman dan | • **Penyelia** tandatangan Borang PPPS/HEA-Pep/0003 *[pindaan 2016]* | | |
| **FAKULTI / PUSAT / INSTITUT / AKADEMI (F/P/A/I)** | • Salinan Surat Keputusan dihantar kepada F/P/A/I untuk makluman dan rujukan | • **Dekan** tandatangan Borang PPPS/HEA-Pep/0003 *[pindaan 2016]* | | |
| **PELAJAR** | • Terima Surat Keputusan, Borang PPPS/HEA-Pep/0003 *[pindaan 2016]* serta salinan laporan Pemeriksa (L/D) | • Membuat pembetulan pada tesis bersama penyelia dalam tempoh masa pembetulan yang ditetapkan | | |

# 6. ASPEK TEKNIKAL PENULISAN TESIS/DISERTASI

## 6.1 BAHASA

Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris (penggunaan selain daripada bahasa utama hendaklah dicondongkan)

## 6.2 PENAIPAN DAN PENCETAKAN TEKS

a) Tesis hendaklah ditaip dengan menggunakan komputer dan dicetak dengan pencetak laser.
b) Menggunakan huruf Tahoma ***kecuali*** bahagian yang melibatkan simbol-simbol saintifik.
c) Saiz huruf ialah 11 untuk teks utama manakala untuk nota kaki dan nota hujung ialah 9.
d) Perenggan pertama tidak perlu diengsot *(indent).* Perenggan seterusnya dimulakan dengan satu engsotan.
e) Nombor halaman diletakkan di bahagian bawah muka surat pada kedudukan tengah (**28 mm dari jidar bawah**).
f) Jidar kiri pada kedudukan 38 mm dari birai.
g) Jidar kanan, atas dan bawah pada kedudukan 28mm.
h) Warna huruf teks utama ialah hitam.
i) Penggunaan selain daripada bahasa utama hendaklah dicondongkan.
j) Jumlah perkataan dalam tesis (isi kandungan utama sahaja):

i. Secara Penyelidikan
- Tesis Doktor Falsafah
  : min 50,000 patah perkataan ; maks 100,000 patah perkataan
- Tesis Sarjana/Sarjana Falsafah
  : min 30,000 patah perkataan ; maks 60,000 patah perkataan

ii. Secara Kerja Kursus
- Disertasi Doktor Falsafah
  : min 50,000 patah perkataan ; maks 100,000 patah perkataan
- Disertasi Sarjana
  : min 30,000 patah perkataan ; maks 60,000 patah perkataan

## 6.3 FORMAT TAJUK

### a. Tajuk Tesis di Kulit Keras

i. Tajuk tesis ditaip dengan huruf besar, tebal dan bersaiz 18.
ii. Kedudukan tajuk ditaip dengan menggunakan format tengah *(piramid terbalik)* di tengah di antara jidar kiri dan jidar kanan.
iii. Tiada langkau jika tajuk melebihi satu baris.
iv. Tidak boleh menggunakan perkataan ringkasan.
v. Nama pelajar ditaip dengan huruf besar, tebal dan bersaiz 18.
vi. Nama fakulti ditaip dengan huruf besar, tebal dan bersaiz 18.

vii. **Tajuk tesis tidak boleh melebihi 20 patah perkataan**.

**b. Tajuk Bab**

i. Huruf besar, tebal dan bersaiz 14.
ii. Kedudukan tajuk di tengah di antara jidar kiri dan jidar kanan.
iii. Tiada langkau jika tajuk melebihi satu baris.

**c. Tajuk kecil dan sub tajuk**

i. Huruf kecil, tebal dan bersaiz 11 dan menggunakan huruf besar pada setiap awal perkataan (kecuali kata sendi nama dan kata hubung)
ii. Kedudukan di kiri.
iii. Tiada langkau jika tajuk melebihi satu baris.

## 6.4 SELANG BARIS

Teks utama tesis ditaip dalam 1.5 langkau kecuali perkara-perkara berikut:

a. Tajuk Bab dan tajuk kecil/sub tajuk.
b. Teks untuk Pengakuan.
c. Teks untuk Pengesahan.
d. Teks untuk Penghargaan.
e. Abstrak Bahasa Melayu dan terjemahan dalam Bahasa Inggeris.
f. Senarai Kandungan ***kecuali*** antara tajuk bab: langkau 1.5 dibenarkan.
g. Keterangan Jadual Rajah, Foto dan Notasi Muzik.
h. Rujukan/ Bibliografi.
i. Nota Kaki/Nota hujung.
j. Teks petikan yang melebihi 40 patah perkataan (diletakkan pada perenggan baru ditaip berasingan dengan satu engsotan dari kanan dan kiri).

## 6.5 PERENGGAN DAN AYAT

a. Setiap perenggan hendaklah disama ratakan.
b. Perenggan pertama selepas tajuk dan subtajuk bermula di kiri dan tidak diengsot. (Perenggan seterusnya dimulakan dengan engsotan sebanyak 12.5 mm (0.5 inci).
c. Selang antara perenggan adalah berjarak 1.5 langkau.
d. Perenggan baharu di bahagian bawah sesuatu halaman mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris ayat. Jika tidak, perenggan tersebut hendaklah dimulakan di halaman berikutnya.
e. Perkataan terakhir pada sesuatu halaman tidak boleh menggunakan tanda sempang. Perkataan yang lengkap hendaklah ditaip pada halaman berikutnya. Jika baris terakhir sesuatu perenggan menjadi baris pertama bagi halaman baru, panjangnya hendaklah sekurang-kurangnya satu baris.
f. Ayat tidak boleh dimulakan dengan nombor.
g. Angka dalam teks hendaklah ditulis dengan perkataan jika **bilangannya kurang daripada sepuluh (10). Contoh: *Lima percubaan, sembilan percubaan***.

## 6.6 JIDAR (*MARGIN*)

### 6.6.1 Ukuran Jidar Bagi Muka Hadapan Tesis/Disertasi Kulit Luar

a. Jidar atas : 60 mm-dari birai atas.
b. Jidar bawah : 60 mm dari birai bawah.
c. Kedudukan tajuk ditaip dengan menggunakan format tengah *(piramid terbalik)* dengan menggunakan huruf tahoma 18.

### 6.6.2 Ukuran Jidar Bagi Halaman Pertama

a. Jidar atas : 60 mm dari birai atas.
b. Jidar bawah : 60 mm dari birai kanan.
c. Kedudukan tajuk ditaip dengan menggunakan format tengah (piramid terbalik).

### 6.6.3 Ukuran Jidar Bagi Halaman Senarai Kandungan, Pengakuan, Pengesahan, Pengesahan Penyelia, Penghargaan, Abstrak, Jadual, Rajah, Senarai Foto, Notasi Muzik, Istilah dan Lampiran

a. Jidar atas : 28 mm dari birai atas.
b. Jidar kanan : 28 mm dari birai kanan.
c. Jidar kiri : 38 mm dari birai kiri.
d. Jidar bawah : 28 mm dari birai bawah.

### 6.6.4 Ukuran Bagi Halaman Pertama Setiap Bab Baru

a. Jidar atas : 28 mm dari birai atas.
b. Jidar kanan : 28 mm dari birai kanan.
c. Jidar kiri : 38 mm dari birai kiri.
d. Jidar bawah : 38 mm dari birai bawah.
e. Halaman pertama bagi setiap bab tesis/disertasi hendaklah dikosongkan 28 mm di bahagian atas tajuknya.

## 6.7 PENOMBORAN

### 6.7.1 Halaman Teks Utama

a. Kedudukan nombor halaman diletakkan di bahagian bawah, tengah dan menggunakan nombor jenis tahoma saiz 11.
b. Halaman bukan teks utama (seperti judul, kandungan, pengesahan) hendaklah dinomborkan dengan angka kecil roman secara berturut-turut (i, ii, iii dan seterusnya). Tajuk pada halaman pertama (Lampiran B) adalah halaman "i" tetapi nombornya tidak ditaip.
c. Halaman teks utama hendaklah dinomborkan dengan angka 1, 2, 3 dan seterusnya. Halaman pertama bagi setiap bab tidak dinomborkan.

### 6.7.2 Tajuk Bab, Tajuk Utama dan Tajuk Kecil

a. Penulisan tajuk bab dimulakan dengan perkataan dan angka seperti **BAB 1, BAB 2** dan seterusnya.
b. Penomboran tajuk utama teks hendaklah dimulakan dengan angka seperti 1.1, 1.2 dan seterusnya
c. Penomboran tajuk kecil hendaklah dimulakan dengan dua angka bulat tetapi tidak melebihi tiga angka bagi mewakili setiap perkara, dan dipisahkan dengan titik noktah di antara nombor-nombor tersebut seperti 1.1.1, 1.1.2 dan seterusnya.
d. Penomboran tajuk kecil yang menggunakan lebih dari tiga angka mesti menggunakan abjad (huruf kecil) seperti a, b, c atau i, ii, iii (lihat lampiran di bawah).

> 1.1.1 Luahan Sungai
> Luahan air sungai yang juga dikenali sebagai aliran permukaan adalah berkadaran terhadap luas keratan rentas sungai berair dan purata halaju air yang mewakili setiap ketinggian aras air sungai….
>
> a. Keratan Rentas Sungai Berair
> Keratan rentas sungai berair adalah…
>
> b. Purata Halaju Air
> Purata halaju air adalah mewakili….

e. Penomboran tajuk utama dan tajuk kecil dalam setiap bab adalah dimulakan dengan nombor yang selari dengan nombor bab seperti Bab 1 tajuk kecilnya 1.1, Bab 2 tajuk kecilnya 2.1.

### 6.7.3 Jadual, Rajah dan Foto

a. Tajuk jadual adalah bersaiz 11 tahoma dan ditebalkan.
b. Penomboran rajah dan foto adalah sama seperti format penomboran jadual.
c. Kedudukan tajuk jadual hendaklah diletakkan di tengah bahagian atas dan sumber diletakkan di kiri di bawah jadual. Sumber daripada kajian sendiri tidak perlu dinyatakan.

**Contoh Jadual**

**Jadual 4.8 : Indeks Kebagusan Penyuaian Model**
**(*Goodness of Fit*)**

| Kategori | Nama Indeks | Nilai di terima |
|---|---|---|
| Indeks Penyuaian Mutlak (AFI) (Absolute Fit Index) | Aras Keertian bagi Khi Kuasa Dua, *p* (Chisq) (*Discrepancy Chi Square*) | > 0.05 |
| | Ralat Anggaran Punca Kuasa Dua Min (RMSEA) Root Mean Square of Error Approximation | < 0.08 |
| | Indeks Kebagusan Penyuaian (GFI) (*Goodness of Fit Index*) | > 0.90 |
| Indeks Penyuaian Penambahan (IFI) (Incremental Fit Index) | Indeks Kebagusan Penyuaian Ubah Suai (AGFI) *Adjusted Goodness of Fit* (AGFI) | > 0.90 |
| | Indeks Penyuaian Perbandingan (CFI) *Comparative Fit Index* | > 0.90 |
| | *Indeks Tucker-Lewis* (TLI) Tucker-Lewis Index | > 0.90 |
| | Indeks Penyuaian Norma (NFI) *Normed Fit Index* | > 0.90 |
| Indeks Penyuaian Parsimoni (PFI) (Parsimonious Fit Index) | *Chi Square/Degree of Freedom* (Chisq/df) | < 5.0 |

Sumber : Zainudin Awang (2012); Hair *et al*. (2010, 2017)

**Contoh Rajah**

| | | |
|---|---|---|
| **Tajuk** | **:** | **Di bahagian kiri bawah rajah** |
| Sumber | : | Di bahagian kiri bawah tajuk rajah |




| | | |
|---|---|---|
| **Rajah 1.3** | **:** | **Pola Perubahan Jumlah Pekerja Berhenti, Masuk dan Jumlah Pekerja Pada Akhir Tahun Hotel Tang Dynasty Dari Tahun 2010 Sehingga April 2015** |
| Sumber | : | Pengurusan Hotel Tang Dynasty (Tidak Diterbitkan) |

## 6.8 SENARAI JADUAL/RAJAH/FOTO

Bahagian ini menyenaraikan semua rajah/foto mengikut susunan tertib dalam teks tesis atau disertasi beserta dengan halaman. Rajah merujuk kepada graf, lakaran/sketsa, lukisan atau ilustrasi dan sebagainya. Susunan senarai rajah haruslah mengikut susunan dalam teks.

## 6.9 SENARAI NOTASI MUZIK

Tajuk atau keterangan tajuk berkenaan notasi sama dengan yang terdapat di dalam tesis/ disertasi calon.

Tajuk: Notasi Muzik




## 6.10 SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN, FORMULA, TATA NAMA, ISTILAH DAN NOMBOR

Simbol, singkatan, unit, formula, tata nama, istilah dan nombor yang digunakan dalam teks yang mempunyai erti khusus sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Perkataan hendaklah disusun mengikut abjad dan dicetak tebal.

Contoh:

| | | |
|---|---|---|
| **KPM** | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| **USIA** | - | United Sabah Islamic Association |
| **WHO** | **-** | World Health Organisation |

## 6.11 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran merupakan data mentah, ringkasan atau kenyataan tambahan yang dapat menyokong penemuan tesis/disertasi. Ini terdiri daripada sebahagian data yang terlalu banyak untuk dimuatkan dalam bahagian teks seperti cerapan data dalam bentuk nombor atau jadual (melebihi dua halaman), penulisan program untuk perisian komputer dan foto yang dapat menyokong penemuan calon.

## 6.12 SUMBER RUJUKAN UTAMA NOTA KAKI/NOTA HUJUNG

a. Sumber rujukan perlu disebut dalam teks utama.

b. Nota kaki dan nota hujung digunakan untuk penjelasan tambahan dan dibuat secara berurutan bermula dengan angka satu (1) bagi setiap bab.

## 6.13 KERTAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| a. | Saiz | : | A4 (210 mm x 297 mm) |
| b. | Jenis | : | Kertas Simili 80 gsm |
| c. | Warna | : | Putih |

## 6.14 CETAKAN

### 6.14.1 Cetakan teks/rajah/foto

a. Cetakan rajah / foto yang berkualiti sahaja diterima.

b. Cetakan teks hendaklah dibuat di sebelah halaman sahaja.

### 6.14.2 Salinan (fotokopi)

Fotokopi di bahagian lampiran yang baik mutunya sahaja akan diterima.

## 6.15 PENJILIDAN TESIS

| | | | |
|---|---|---|---|
| a. | Kulit Luar | : | Kulit Keras |
| b. | Saiz | : | A4 (210 cm x 297 cm) |
| c. | Warna | : | i. Biru Gelap (Diploma Pascasiswazah / Sarjana / Sarjana Falsafah)<br>ii. Merah tua (Doktor Falsafah) |

### 6.15.1 Muka hadapan di kulit keras

Semua maklumat di muka hadapan kulit keras tesis hendaklah ditaip dengan huruf besar berwarna emas menggunakan huruf **Tahoma** bersaiz 18.

**TAJUK**

**NAMA CALON**

**NAMA FAKULTI/PUSAT/INSTITUT**

**NAMA UNIVERSITI**

**TAHUN (TAHUN MAJLIS KONVOKESYEN PELAJAR)**

### 6.15.2 Tulang Belakang

Semua maklumat di bawah hendaklah ditaip dengan huruf besar, jenis Tahoma, berwarna emas, bersaiz 16 dan mengikut susunan seperti berikut;

**NAMA CALON**

**NAMA IJAZAH (SINGKATAN)**

**TAHUN (TAHUN MAJLIS KONVOKESYEN PELAJAR)**

**SINGKATAN NAMA UNIVERSITI (UMS)**

## 6.16 SINGKATAN NAMA IJAZAH

**Singkatan Nama Ijazah**

| **Singkatan** | **Nama Ijazah dalam Bahasa Melayu** | **Nama Ijazah dalam Bahasa Inggeris** |
|---|---|---|
| PhD | Doktor Falsafah | Doctor of Philosophy |
| MPhil | Sarjana Falsafah | Master of Philosophy |
| MSc | Sarjana Sains | Master of Science |
| MAgricSc | Sarjana Sains Pertanian | Master of Agricultural Science |
| MEng | Sarjana Kejuruteraan | Master of Engineering |
| MEnvSc | Sarjana Sains Sekitaran (Kerja Kursus) | Master of Environmental Science (Course Work) |
| MA | Sarjana Sastera | Master of Arts |
| MEd | Sarjana Pendidikan | Master of Education |
| MAcc | Sarjana Perakaunan | Master of Accounting |
| MEcons | Sarjana Ekonomi | Master of Economics |
| MBuss | Sarjana Perniagaan | Master of Business |
| MFin | Sarjana Kewangan | Master of Finance |
| MBA | Sarjana Pentadbiran Perniagaan | Master in Business Administration |
| MHCM | Sarjana Pengurusan Modal Manusia | Master in Human Capital Management |
| MPsy | Sarjana Psikologi | Master of Psychology |
| PGDip | Diploma Pascasiswazah | Postgraduate Diploma |
| DipEd | Diploma Pendidikan | Diploma of Education |
| PGCert | Sijil Pascasiswazah | Postgraduate Certificate |

## 7. STRUKTUR TESIS

### 7.1 SUSUNAN

Kandungan tesis hendaklah disusun mengikut urutan seperti berikut:

**TAJUK**

**PENGAKUAN**

**PENGESAHAN**

**PENGHARGAAN**

**ABSTRAK**

***ABSTRACT***

**SENARAI KANDUNGAN**

**SENARAI JADUAL**

**SENARAI RAJAH/ FOTO**

**SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL**

**SENARAI LAMPIRAN**

**KANDUNGAN TEKS (BAB)**

**RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

**Nota :**

* Jika ada perkara yang tercatat di atas tidak diperlukan, maka ianya tidak perlu dimasukkan di dalam tesis/disertasi. Setiap bahagian di atas hendaklah dimulakan di halaman baru.

### 7.2 HALAMAN TAJUK (LAMPIRAN C)

Halaman tajuk ditaip dengan huruf besar mengikut susunan seperti berikut:

a. Tajuk tesis diletak di bahagian tengah (piramid terbalik), berhuruf besar saiz 18 dan tidak mengandungi singkatan perkataan atau kurungan.
b. Nama pelajar ditaip penuh seperti dalam kad pengenalan dan diletakkan di bahagian tengah, berhuruf besar saiz 18.
c. Tujuan penyerahan tesis disebut mengikut peringkat pengijazahan.
   Contoh:

***TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA EKONOMI***

d. Nama fakulti / institut ditulis penuh, diletakkan di bahagian tengah (piramid terbalik) dan berhuruf besar saiz 18.
e. Tahun yang disebut adalah tahun penyerahan tesis kuit keras dan diletakkan di bahagian tengah saiz 18. Tiada langkau di antara nama fakulti / insitut dan tahun.

## 7.3 PENGAKUAN (Lampiran E)

Halaman ini hendaklah dimulakan selepas judul ditaip di tengah halaman tersebut dan mengandungi pengakuan calon bahawa tesis/ disertasi ditulis adalah hasil kerja calon sendiri dan sebarang nukilan, ringkasan telah diterangkan sumbernya.
Seperti kenyataan yang berikut "Segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya...."

## 7.4 PENGESAHAN (Lampiran F)

Halaman ini adalah pengesahan tesis oleh penyelia pelajar. Ia mengandungi nama pelajar, nombor pelajar, tajuk tesis, nama ijazah, bidang pengajian dan tarikh viva yang dijalankan.

## 7.5 PENGHARGAAN (Lampiran G)

Calon boleh merakamkan penghargaan tidak lebih daripada satu halaman kepada orang perseorangan ataupun pertubuhan / persatuan yang membantu dalam melakukan kajian.

## 7.6 ABSTRAK (Lampiran H)

Abstrak dalam penulisan tesis hendaklah ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jika tesis ditulis dalam Bahasa Melayu, mesti didahului dengan abstrak dalam Bahasa Melayu dan diikuti dengan abstrak dalam Bahasa Inggeris dan sebaliknya. Bagi abstrak yang diterjemahkan, tajuk abstrak berkenaan perlu ditulis dengan penuh. Abstrak hendaklah ditulis dalam satu perenggan, tidak berlangkau dan tidak melebihi satu halaman. Lihat contoh di Lampiran K.

## 7.7 SENARAI KANDUNGAN (Lampiran I)

Semua tajuk kandungan dalam tesis hendaklah disenaraikan dan disusun mengikut tertib.

## 7.8 SENARAI JADUAL (Lampiran J)

Semua jadual di dalam tesis hendaklah disenaraikan dan disusun mengikut tertib.

## 7.9 SENARAI RAJAH / FOTO / SIMBOL / SINGKATAN KATA / GLOSARI / LAMPIRAN (Lampiran K, L, M, N, O, P, DAN R )

Semua perkara seperti tajuk di atas hendaklah disenaraikan dan disusun mengikut tertib.

## 7.10 TEKS UTAMA

Keperluan bilangan bab dan susunan bab bergantung kepada keperluan disiplin.
Secara umumnya, penulisan teks tesis harus mengandungi:

i. **Pengenalan**
Pengenalan meliputi latar belakang, pernyataan masalah kajian, soalan kajian, objektif, kepentingan kajian dan lain-lain yang berkaitan.

ii. **Sorotan Literatur**
Bab yang mengandungi huraian kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian.

iii. **Metodologi**
Bab yang menghuraikan dengan mendalam kaedah-kaedah dan tatacara yang digunakan oleh penyelidik dalam membuat kajian seperti pendekatan kajian, persampelan, instrumentasi, kaedah penganalisaan data dan yang berkaitan.

iv. **Dapatan Kajian**
Dapatan kajian merupakan keputusan yang diperolehi dan dibentangkan dalam penulisan teks.

v. **Perbincangan dan Kesimpulan**
Bab ini membincangkan dan merumuskan hasil penemuan kajian.

vi. **Cadangan**
Penulisan bab cadangan tertakluk kepada keperluan disiplin dan jenis kajian.

## 7.11 RUJUKAN (Lampiran U)

Halaman ini mengandungi semua senarai rujukan yang digunakan dalam penulisan tesis/disertasi pada bahagian teks, jadual data, rajah dan lampiran.

Rujukan yang disediakan dalam lampiran merupakan rujukan calon dalam penulisan tesis dan perlu mengikut format American Psychological Association (APA) versi terbaharu **kecuali** rujukan yang melibatkan penulis Melayu Malaysia.

# 8. FORMAT RUJUKAN DALAM TEKS UTAMA

## 8.1 PENULISAN RUJUKAN DALAM TEKS

Rujukan ini adalah untuk menghargai karya penulis yang menjadi sumber rujukan berkenaan di samping memudahkan penulis atau pembaca berikutnya mengetahui sumber yang telah digunakan dalam sesuatu penulisan. Cara penulisan rujukan dalam teks adalah seperti yang disenaraikan di bawah. Fakulti atau Institut boleh memohon kepada Senat UMS untuk menggunakan format lain seperti APA versi terbaharu.

### 8.1.1 Sistem Pengarang-Tahun

a. Sistem ini mengandungi sekurang-kurangnya dua perkara asas, iaitu pengarang dan tahun terbitan. Sekiranya penulis merujuk kepada halaman tertentu, halaman tersebut hendaklah dinyatakan selepas tanda noktah bertindih (:) yang diletakkan selepas tahun terbitan.

   Contoh: Williams, 2006: 34

b. Bagi pengarang yang mempunyai nama keluarga (*surname*), nama keluarga sahaja digunakan (untuk nama keluarga rujuk contoh vi).

d. Jika nama pengarang pada pertengahan atau akhiran ayat, hendaklah ditulis nama pengarang, tahun dan muka surat (sekiranya petikan diambil tanpa diubahsuai):
   Contoh: Williams, 2006

e. Jika nama pengarang pada permulaan ayat, hendaklah ditulis nama pengarang, tahun dan muka surat (sekiranya petikan diambil tanpa diubahsuai):
   Contoh**:** Williams, 2006

f. Jika diambil dengan pengubahsuaian maka hanya nama pengarang dan tahun sahaja ditulis.
   Contoh: Williams, 2008

g. Jika dua atau lebih daripada dua orang pengarang, hendaklah ditulis nama pengarang seperti berikut:

   - Jika dua orang: contoh (Adam & Ahmad, 1998)
   - Jika tiga orang dan lebih:

   i. Untuk rujukan pertama: Tulis satu (1) nama penulis utama sahaja
      Contoh: Adam *et al*., 1998

   ii. Untuk rujukan kali kedua dan seterusnya: ditulis nama keluarga penulis pertama dan diikuti dengan *et al.* merujuk kepada pengarang bersama yang lain.
      Contoh: Schulz, 2015; Schulz *et al*., 2011; Papacharissi, 2004.

h. Sekiranya merujuk kepada penulis yang menghasilkan dua (2) karya atau lebih pada tahun yang sama, maka hendaklah ditulis seperti berikut:
Contoh**:**

Cheah, 2005a

Cheah, 2005b

i. Bagi pengarang Melayu, India dan Peribumi Borneo ditulis dengan nama penuh pengarang tanpa bin / binti / anak lelaki / anak perempuan / anak atau gelaran.

Contoh:

Ahmat Adam , 2005

Sakthivel Krishnan , 2016

Agatha Francis , 2018

k. Bagi hasil karya yang tahun terbitannya tidak dinyatakan.

Contoh**:**

Chye Fook Yee, t.th.

***Nota**: t.th. adalah singkatan bagi tanpa tahun.

l. Bagi rujukan tanpa pengarang, ditulis seperti berikut:

*(Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 171)*, 2001: 3)

*(Seventh-day Adventist Encyclopedia,* 1966: 45)

*Rancangan Malaysia Ke-10*

## 9. FORMAT SENARAI RUJUKAN

### 9.1 RUJUKAN

a. Rujukan merangkumi semua sumber yang dibaca dan dirujuk dalam penulisan tesis.

b. Setiap rujukan ditulis mengikut susunan berikut:
*Nama Pengarang (nyatakan sama ada penyunting, penyusun atau penyelenggara - jika berkaitan), tahun diterbitkan, tajuk buku/artikel/jurnal, bilangan edisi (jika ada). Bilangan Jilid (jika ada). Tempat diterbitkan. Nama Penerbit. Nombor halaman (untuk artikel dalam jurnal atau bab dalam buku).*

c. Rujukan elektronik dari laman web persendirian, Wikipedia, blog dan Facebook tidak dibenarkan **melainkan** dari pihak yang diiktiraf umum sebagai pakar atau pihak berkuasa atau mana-mana sumber rasmi.

d. Contoh menulis rujukan adalah seperti yang disenaraikan di bawah. Fakulti atau Institut boleh memohon kepada Senat UMS untuk menggunakan format lain seperti APA versi terbaharu.

### 9.2 CONTOH MENULIS RUJUKAN

**a. Rekod Kerajaan Yang Tidak Diterbitkan**

Contoh:
i. C.O. 874/466-Immigration.
ii. Colonial Office 874/1104 – War With Japan.

**b. Dokumen Rasmi yang Tidak Diterbitkan**

Contoh:
i. Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Negeri Sabah dan *The Summer Institute of Linguistics.*

ii. Kerajaan Negeri Sabah. Sabah Second Agriculture Policy: 1999-2010, Kota Kinabalu: Sabah Government Printers.

**c. Laporan-Laporan Kerajaan**

Contoh:
i. *Perangkaan Perdagangan Luar Sabah*. 1986. Jabatan Perangkaan Malaysia. 3-21.

ii. Rosenberry, R. (ed.). 2002. *World shrimp farming 2002.* Annual Report Number 15. San Diego, USA: Shrimp News International.

iii. *World Health Report 1998.* World Health Organization (WHO). 1998.

**d. Fail-fail Arkib**

Contoh:

i. North Borneo Central Archive. No. 66 – Educational Policy of State-General.

ii. North Borneo Central Archive, No. 725- Borneo Fishing Company at Si Amil Island- General.

**e. Fail-fail Jabatan**

Contoh:

i. Fail Pejabat Daerah Beaufort PDB. 7/273/11 – Waran Peruntukan 1986.

ii. *A Report on Socio-Economic Survey of Fisherman at Kuala Penyu District*, 1986. KO-NELAYAN.

**f. Akhbar**

Contoh:

i. *Berita Harian*. 1987. Kebangkitan Masyarakat Melayu. 8 September. Hlm 5.

ii. Parrish, M. 1992. L. A. Firm Helps Utility With Innovative Plan. *Los Angeles Times*, 4 August. Pp 2.

**g. Tesis / Latihan Ilmiah**

Contoh:

i. Siti Ajar Md Noh. 2017. *Pengaruh Konsep Kendiri Fizikal, Afektif dan Kognitif Terhadap Aktiviti Fizikal Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Jasmani Institut Pendidikan Guru Malaysia*. (Kertas Projek) Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan) (Tesis Doktor Falsafah)

ii. Cheong, C. H. P. 1999. Perbandingan morfologi *Dolichoderus* (Kumpulan *thoracius*) (HYMENOPTERA: FORMICIDAE) dari Sabah dan Semenanjung Malaysia serta Potensi *Dolichoderus sp.* (Kumpulan *thoracius*) Sabah Sebagai Agen Kawalan Biologi Serangga Perosak. (Tesis Sarjana) Universiti Malaysia Sabah.

**h. Kertas Kerja**

Contoh:

i. Ismail Abas. 1989. Tarian-tarian Ritual Sabah, Fungsinya dan Masa Depannya. *Kertas Kerja Dialog Borneo II*. Kota Kinabalu. 12-16 September. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Badan Bahasa Sabah Dengan Kerjasama GAPENA dan Kerajaan Negeri Sabah.

ii. Primavera, J. H. 1994. Shrimp farming in the Asia Pasific:

Environmental and trade issues and regional cooperation. *Paper presented at the Nautilus Institute Workshop on Trade and Environment in Asia-Pacific.: Prospects for regional cooperation.* East-West Centre Honolulu, Philipines, 23-25 September.

iii. Anton, A. 2003. Bioindicators in River Quality Maganegemt. *Bengkel Enviro-course 2002- Kualiti Air*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

**i. Buku**

Contoh:

i. Ahmat Adam. 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

ii. Zimmerman, H. J. 1996. *Fuzzy Set Theory and Its Application.* 2nd ed. New Delhi: Allied Publishers Ltd and Kluwer Academic Publishers.

   i. Dhont, J., Lavens, P. & Sorgeloos, P. 1993. Preparation and use of Artemia as food for shrimp and prawn larvae. *In* J. P. McVey, (ed.). *CRC Handbook of Mariculture Crustacean Aquaculture 2nd Edition, Volume 1,* pp. 289-313. Boca Raton: CRC Press.

**j. Ensiklopedia**

Contoh:

i. *Coolier's Encyclopedia.* Vol. 16. 1985. London: Macmillan Educational Company.

ii. Bignell, D. E. & Eggleton, P. 1998. Termites. *In* P. Calow, (ed.) *Encyclopedia of Ecology and Environmental Management. Oxford. Blackwell Scientific*, pp. 744-746.

iii. Treece, S.D. 2000. Shrimp Culture. *In* R.R. Stickney (ed). *Encyclopedia of Aquaculture,* pp. 798-868. New York: John Wiley and Sons.

**k. Kamus**

Contoh:
Abd. Nuh & Oemar Bakry. 1996. *Kamus Melayu-Arab-Inggeris.* Kuala Lumpur: Victory Agencies.

## l. Artikel

Contoh:

i. Crain, J.B. 1972. Murut Depopulation and the Sipitang Lun Dayeh. *JMBRAS,* 45(2), 110-121

ii. Shiau, S.Y. & Liu, J.S. 1994. Quantifying the Vitamin K Requirement of Juvenile Marine Shrimp, *Penaeus Monodon*, with Menadione. *Journal of Nutrition 124*, 227-282.

## m. Filem

Contoh:

i. Nama pengarah diketahui:

   Syamsul Yusof. 2016. Munafik (Filem Cereka). Kuala Lumpur : Skop Production Sdn Bhd.

ii. Nama Pengarah tidak diketahui :

   Transit (Filem Cereka). 1955. Kota Kinabalu: Borneo Asia Media Sdn Bhd.

## n. Video

Contoh:

i. Nama pengarah diketahui:

   Rosli Sareya. 2017. UMS: Di Hatiku (Video Korporat). Vimeo. Dipetik dari https://vimeo.com/755632 pada 22 April 2017.

ii. Nama Pengarah tidak diketahui:

   PNI Insurance. 2017. Kebahagiaan dalam Tangisan (Video Iklan). Youtube. Dipetik dari https://www.youtube.com/watch?v=ukjp_-YcE pada 26 Mei 2017.

## o. Lagu dan karya berbentuk muzik

Contoh:

Sudirman Hj. Arshad. 2002. Merisik Khabar (Penyanyi). Kuala Lumpur : EMI (Malaysia) Sdn. Bhd.

Manan Ngah. 2002. Merisik Khabar (Komposer). Kuala Lumpur : EMI (Malaysia) Sdn. Bhd.

Adnan Abu Hassan. 2002. Merisik Khabar (Penerbit). Kuala Lumpur : EMI (Malaysia) Sdn. Bhd.

Habsah Hassan. 2002. Merisik Khabar (Penerbit). Kuala Lumpur : EMI (Malaysia) Sdn. Bhd.

Mozart, W.A. 1770. "Coronation" mass in C, "Exultate Jubilate: K. 317. Slovak Philharmonic Chorus and Orchestra, Janos Ferencsik (konduktor), Laserlight Series 14 098. Santa Monica: Delta Music Incorporated, 1993.

Filem Cereka. 1972. *Kabus Malam.* Jakarta: Puncak Keris.

***Rujukan berdasarkan konteks penyanyi, komposer, penerbit dan penulis lirik.**

**p. Peta**

Contoh:

Jabatan Pertanian Sabah. 1996. Peta Taburan Asosiasi Tanah.

**q. Internet**

Contoh:

i. Salvation Army International Headquaters. (2004). Dipetik dari http//www.salvation.org.hk/www/what is salvation army/home.htm. pada 26 September 2015.

ii. Potter, L., Brookfield, H. & Byron, Y. 2002. The Eastern Sundaland Region of South-East Asia, Dipetik dari www.unu.edu/unupress/unupbooks/uu14re/uu14re14.htm pada 21 Februari 2016.

***Nota**:

Butiran bagi bahan rujukan elektronik hendaklah dicatat kesemua, termasuk tarikh bahan tersebut dicetak.

r. **Responden yang ditemu bual**

Contoh:

Razak Janau. 74 tahun. Kampung Padas, Papar. Ketua Kampung Padas. 26 September 2003.

## 10. LAMPIRAN

Tesis tidak semestinya mengandungi lampiran kecuali jika diperlukan. Lampiran diletakkan selepas bahagian RUJUKAN di bahagian tengah sebelah atas. Lampiran hendaklah diberikan tajuk dan menggunakan huruf besar. Contohnya LAMPIRAN A dan LAMPIRAN B.

## 11. SOALAN LAZIM

**a. Saya berhasrat untuk menghantar tesis dalam bulan Oktober tetapi status pengajian saya akan tamat pada bulan Ogos. Apa perlu saya lakukan?**

Kaedah Pengajian Pascasiswazah menyatakan bahawa status pengajian pelajar perlu aktif untuk menghantar tesis. Dalam kes ini, pelajar perlu memohon pelanjutan pengajian sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tarikh pendaftaran semester baharu bermula. Borang PPPS-Reg/002 (Pindaan 2018) yang telah lengkap ditandatangani oleh Dekan/Pengarah dan Penyelia hendaklah dihantar ke Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS). Keputusan akan dimaklumkan oleh PPPS samada permohonan berjaya atau sebaliknya.

**b. Saya telah menghantar Notis Penyerahan Tesis pada Februari tapi tidak dapat menghantar tesis tiga (3) bulan dari notis saya dihantar. Adakah saya perlu menghantar notis semula?**

Notis Penyerahan Tesis adalah sah selama enam (6) bulan dari tempoh penerimaan di PPPS. Pelajar hanya perlu menghantar notis buat kali kedua sekiranya notis tersebut telah tamat tempoh.

**c. Berapa lama tempoh masa yang diambil untuk pemeriksaan tesis sekiranya saya ingin konvo pada tahun berkenaan?**

Notis Peyerahan Tesis akan mengambil masa selama tiga (3) bulan untuk diproses. Manakala, pemeriksaan pula akan mengambil masa satu (1) bulan bagi pelajar Sarjana dan dua (2) bulan bagi pelajar Doktor Falsafah. Tarikh akhir penghantaran tesis kulit keras adalah pada bulan Oktober dan biasanya Majlis Konvokesyen akan diadakan pada bulan November.

**d. Saya telah diberikan enam (6) bulan untuk membuat pembetulan selepas sidang viva-voce. Apa akan berlaku sekiranya saya tidak dapat menyiapkan pembetulan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan?**

Pelajar hendaklah memohon pelanjutan tempoh penghantaran tesis selepas pembetulan secara bertulis kepada Dekan PPPS sebelum tempoh yang telah ditetapkan tamat dengan menyatakan sebab yang munasabah. Biasanya tempoh pelanjutan yang diberikan adalah selama satu (1) bulan sahaja.

**e. Adakah saya perlu membayar yuran viva-voce sekiranya saya perlu menghantar semula tesis saya untuk semakan kali ke-2?**

Pelajar perlu membayar yuran viva-voce sekiranya pelajar dikehendaki untuk membentangkan semula tesis tersebut dalam sidang viva-voce. Namun, sekiranya pelajar dikehendaki menghantar tesis sahaja tanpa perlu menjalani viva-voce maka pelajar tidak perlu membayar yuran.

**f. Berapa salinan tesis perlu dihantar ke PPPS sekiranya saya perlu menghantar semula tesis untuk semakan?**

Pelajar Sarjana perlu menghantar tiga (3) salinan tesis manakala empat (4) salinan bagi pelajar peringkat Doktor Falsafah.

**g. Siapa perlu menandatangani borang Notis Penyerahan Tesis pada ruangan Dekan/Pengarah sekiranya Penyelia saya adalah Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut?**

Selain daripada Dekan, Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah boleh menandatangani ruang Dekan/Pengarah yang terdapat dalam borang tersebut.

## 12. LAMPIRAN

**LAMPIRAN A**

**Contoh Tajuk Pada Muka Hadapan**

**Contoh Tajuk Pada Muka Hadapan Tesis (Kulit Keras)**



**LAMPIRAN B**

**Contoh Maklumat Pada Tulang Belakang**




***mohon rujuk muka surat 16 untuk singkatan ijazah yang diletakkan pada tulang tesis***

## LAMPIRAN C

**Contoh Tajuk di Halaman Pertama**

60mm /
6 cm

**SENI CORAK TRADISIONAL ETNIK DUSUN DI
PEDALAMAN SABAH DAN PENGARUHNYA
PADA ZAMAN KINI**

**DEVIELLA DULAIT**

Saiz font
18

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

60mm /
6 cm

## LAMPIRAN D

## Contoh Borang Pengesahan Status Tesis

Nama Pelajar *berhuruf besar, digariskan dan ditebalkan*

Hendaklah ditaip "Doktoral" atau "Sarjana" sahaja

Tanda tangan, Nama dan Nombor Pelajar *berhuruf besar, digariskan dan ditebalkan*

Anggaran tarikh semasa Tesis Berkulit Keras diserahkan kepada PPPS

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH SERTA KEBERKESANAN MOTIVASI GURU-GURU TERHADAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DALAM MENHADAPI PEPERIKSAAN SPM DAN IMPAK KECEMERLANGAN BAGI PELAJAR LUAR BANDAR DI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **NORAZMAYATI BINTI KASSIM**, Sesi **2017-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| ☐ | TIDAK TERHAD | |

Disahkan Oleh,

**NORAZMAYATI BINTI KASSIM**
**DT1711001T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh 10 Mei 2020

(Prof. Dr. Yussof bin Abdullah)
Penyelia

Tajuk tesis, Nama Ijazah dan Bidang adalah merujuk **Surat Keputusan** yang diluluskan oleh sidang *Viva Voce* Pelajar **berhuruf besar dan ditebalkan ** nama bidang dan ijazah ditaip dalam* ***Bahasa Melayu*** ****mohon rujuk halaman 33*

Tahun pengajian bermula sehingga Tahun bergraduasi **berhuruf besar, digariskan dan ditebalkan*

Tanda tangan, Nama Penyelia dan Jenis Penyeliaan
**sekiranya penyelia melebihi seorang, hanya nama* ***Penyelia Utama*** *sahaja diletakkan di ruangan tersebut.*

***Nota Tambahan:***
*Ditaip menggunakan font "Tahoma" / saiz "11" / Jarak langkau "1.0" / Tiada nombor muka surat / margin dikecualikan / saiz kertas "A4" / dibukukan dalam Tesis Berkulit Keras sebelum muka surat "**PENGAKUAN**"*

## LAMPIRAN D (ii)

## Contoh Surat Keputusan Viva Voce

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH**
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel : +6088-321026
Faks : +6088-320233
E-mel : ppps@ums.edu.my

Rujukan : UMS/PASCA8.4/600-3/16/1[MI1811004T]
Tarikh : 17 Mei 2019

**MASRIN BIN SAMIAN**
Fakulti Komputeran Dan Informatik
Universiti Malaysia Sabah

Saudara,

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PEPERIKSAAN SISWAZAH PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH BIL. 95/2019**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Siswazah yang bersidang pada **17 Mei 2019 (Bil. 95/2019)**, jam 2.00 Petang bertempat di Bilik Viva 1, Bangunan Pusat Pengajian Pascasiswazah bersetuju memperakukan bahawa saudara layak dianugerahkan **Ijazah Sarjana Sains** dalam bidang **Teknologi Maklumat** tertakluk kepada pembetulan dan penambahbaikan ke atas tesis saudara sepertimana yang telah dicadangkan oleh ahli Jawatankuasa Pemeriksa. Pembetulan dan penambahbaikan adalah **WAJIB** dibuat melalui perbincangan bersama **Penyelia** serta diperakukan dalam Borang Penyerahan Tesis Selepas Pembetulan **(PPPS/HEA-Pep/004 *[Pindaan 2017]*)**. Tesis yang telah dibaiki akan disemak dan diperiksa oleh **Pemeriksa Dalam, Dr. Firent Ice** sebelum diperakukan oleh Dekan, Fakulti Komputeran Dan Informatik. Tajuk baharu tesis saudara adalah **"Inovative: To Create New Module for Effectiveness in Administrative Staff Workflow by Using Fully Sistemize Application"**.

Nama "Ijazah"

Nama "Bidang"

Tajuk Tesis "Judul"

## LAMPIRAN E

## Contoh Pengakuan



# LAMPIRAN F

## Contoh Pengesahan

### 1. Seorang Penyelia

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

**PENGESAHAN**

| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | **MASRIN BIN SAMIAN** |
| NO. MATRIK | : | **PA20099085** |
| TAJUK | : | **PERUBAHAN DAN ADAPTASI: KAUM IDAHAN DI LAHAD DATU, SABAH 1881-1941** |
| IJAZAH | : | **DOKTOR FALSAFAH SASTERA** |
| BIDANG | : | **SEJARAH** |
| TARIKH VIVA | : | **10 FEBRUARI 2020** |

**DISAHKAN OLEH;**

Tandatangan

**PENYELIA**
Prof. Madya Dr. Azman Ismail

____________________

iii

## 2. Lebih daripada Seorang Penyelia

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

**PENGESAHAN**

| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | **MASRIN BIN SAMIAN** |
| NO. MATRIK | : | **PA20099085** |
| TAJUK | : | **PERUBAHAN DAN ADAPTASI: KAUM IDAHAN DI LAHAD DATU, SABAH 1881-1941** |
| IJAZAH | : | **DOKTOR FALSAFAH SASTERA** |
| BIDANG | : | **SEJARAH** |
| TARIKH VIVA | : | **10 FEBRUARI 2020** |

**DISAHKAN OLEH;**

Tandatangan

1. **PENYELIA UTAMA**
   Prof. Madya Dr. Azman Ismail
   ____________________

2. **PENYELIA BERSAMA**
   Dr. Saiful Bahari
   ____________________

3. **PENYELIA BERSAMA**
   En Albert Ego
   ____________________

iii

## LAMPIRAN G

## Contoh Penghargaan

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

**PENGHARGAAN**

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Penyelia saya Prof. Dr. Hjh Arsiah Bahron di atas segala panduan dan tunjuk ajar beliau sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Saya berasa sangat bertuah mempunyai seorang penyelia yang sentiasa memberikan cadangan dan sokongan padu. Terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Fauziah Sulaiman dan Dr. Azaze @ Azizi Hj Abdul Adis sebagai Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak memberikan panduan. Penghargaan saya kepada Prof. Dr. Lutfor Sanely (International University) yang telah memberikan tunjuk ajar dan pandangan sangat berguna. Seterusnya Pn. Doris dan Pn. Minis dari Jabatan Perangkaan Malaysia (Sabah).

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan dari semua ahli keluarga yang sangat memberi sokongan dan dorongan yang tidak berhenti-henti begitu juga rakan sekerja yang menjadi pendorong kepada usaha saya menamatkan pengajian.

Nama Pelajar dan Tarikh *Viva Voce* dijalankan

Zaiahsheila Binti Sidik
15 April 2020

iv

**LAMPIRAN H (i)**

**Contoh Abstrak Bahasa Melayu dan Terjemahan**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# ABSTRAK

**(Tajuk tidak perlu dinyatakan)**

Penulisan mengenai pembangunan industri hiliran berasaskan perikanan di negeri Sabah oleh para sarjana tempatan lebih menumpukan kepada persoalan di peringkat "hulu" sahaja seperti status sumber marin, taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan, peranan golongan pemodal, bilangan nelayan dan bot menangkap ikan; jumlah pendaratan sumber marin, teknologi menangkap ikan; kepelbagaian spesis marin dan lain-lain lagi. Penulisan mengenai pembangunan industri perikanan di peringkat "hiliran" seringkali dipinggirkan dan tidak mendapat tempat yang sewajarnya.....

**LAMPIRAN H (ii)**
**Contoh Abstrak Terjemahan**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

## ***ABSTRACT***

***(Abstrak yang diterjemahkan perlu nyatakan tajuk – Huruf Besar dan dicondongkan)***

*Writings by local scholars on the development of the downstream industry based on fisheries in the state of Sabah have been limited and basically are more focused on the "upstream" level of the fishery industry. These writings have attempted to answer questions such as: the status of marine sources, the sosio-economic level of fishermen in their community, varieties of marine species and other topics which are related and geared towards "upstream" issues. Hence, due to the focus towards study on the development of the fishery industry at the "upstream" level, this has affected the attention on the issues at the "downstream" level, which have occasionally been marginalized……*

**LAMPIRAN I**

**Contoh Senarai Kandungan**

Saiz font 14,
Tahoma, ditebalkan,
kedudukan tengah,
huruf besar

# SENARAI KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **TAJUK** | | i |
| **PENGAKUAN** | | ii |
| **PENGESAHAN** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| ***ABSTRACT*** | | vi |
| **SENARAI KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | x |
| **SENARAI RAJAH** | | xiv |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xv |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | xvii |
| **BAB 1 : PENGENALAN** | | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latarbelakang Kajian | 3 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 10 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 14 |
| | 1.4.1 Soalan Kajian | 21 |
| **RUJUKAN** | | 251 |
| **LAMPIRAN** | | 312 |

**LAMPIRAN J**

**Contoh Senarai Jadual**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

## SENARAI JADUAL


| | | | Halaman |
|---|---|---|---|
| Jadual 2.1 | : | Senarai District Officer Lahad Datu | 51 |
| Jadual 2.2 | : | Pendapatan di Lahad Datu dari tahun 1924-1928 | 57 |
| Jadual 2.3 | : | Perbelanjaan di Lahad Datu dari tahun 1924-1928 | 58 |
| Jadual 2.4 | : | Populasi Penduduk Daerah Lahad Datu | 67 |
| Jadual 3.1 | : | Penduduk Kaum Idahan | 97 |
| Jadual 5.1 | : | Pengeluaran Tembakau *New Darvel Bay Tobacco Plantations* | 165 |

**LAMPIRAN K**

**Contoh Senarai Rajah**

Saiz font 14,
Tahoma, ditebalkan,
kedudukan tengah,
huruf besar

# SENARAI RAJAH

Halaman


| | | | |
|---|---|---|---|
| Rajah 2.1 | : | Pembahagian Pusat Pentadbiran SBBUB di Sabah | 45 |
| Rajah 3.1 | : | Kawasan perkampungan Kaum Idahan di Lahad Datu | 96 |
| Rajah 4.1 | : | Pembahagian Pentadbiran Sabah | 107 |
| Rajah 4.2 | : | Struktur / Hierarki Pentadbiran Tradisional Kaum Idahan | 116 |

**LAMPIRAN L**

**Contoh Senarai Foto**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# SENARAI FOTO

Halaman


| | | | |
|---|---|---|---|
| Foto 4.1 | : | Struktur Pentadbiran Kaum Idahan pada tahun 1891 | 138 |
| Foto 4.2 | : | Struktur Pentadbiran Kaum Idahan pada tahun 1915 | 142 |

**LAMPIRAN M**

**Contoh Senarai Notasi Muzik**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# SENARAI SIMBOL NOTASI

𝅝 - Semibrif

𝅗𝅥 - Minim

♩ - Krocet

♪ - Kuaver

**LAMPIRAN N**

**Contoh Senarai Simbol, Unit, Singkatan, Formula Tata Nama, Istilah dan Nombor**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# SENARAI SIMBOL

| | | |
|---|---|---|
| ***D, d*** | - | Garis pusat |
| ***e*** | - | Dimensi kekusutan |
| ***f*** | - | Kekusutan turus bagi paip |
| ***F*** | - | Daya |
| ***g*** | - | Graviti = 9.81 m/s |
| ***H*** | - | Jumlah kesusutan turus |
| ***I*** | - | Momen inertia |
| ***k*** | - | Angkali kekusutan |
| ***l*** | - | Panjang |
| ***m*** | - | Jisim |
| ***M*** | - | Jisim sarung |
| ***N*** | - | Halaju pusingan |
| ***P*** | - | Tekanan |
| ***w*** | - | Halaju sudut |
| ***x*** | - | Anjakan |
| ***z*** | - | Ketinggian |

**LAMPIRAN O**

Saiz font 14,
Tahoma, ditebalkan,
kedudukan tengah,
huruf besar

# SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| **AFEK** | - | Konstruk Afektif |
| **AFI** | - | *Absolute Fit Index* |
| **AIC** | - | *Akaike Information Criterion* |
| **AMOS** | - | *Analysis of Moment Structures* |
| **ANOVA** | - | *Analysis of Varians* |
| **AP** | - | Perawakan |
| **BF** | - | Lemak Tubuh |
| **CDC** | - | *Centre for Disease Control and Prevention* |
| **CFA** | - | *Confirmatory Factor Analysis* |
| **CFI** | - | *Comparative Fit Index* |
| **CO** | - | Koordinasi |
| **EN** | - | Daya Tahan |
| **FIZ** | - | Konstruk Aktiviti Fizikal |
| **FL** | - | Kelenturan |

**LAMPIRAN P**

**Contoh Senarai Lampiran**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# SENARAI LAMPIRAN


| | | | Halaman |
|---|---|---|---|
| Lampiran A | : | Surat Native Reserve Lahad Datu | 280 |
| Lampiran B | : | Surat Pemakluman Native Reserve di Lahad Datu | 281 |
| Lampiran C | : | Surat kepada A.R Dunlop daripada para pemimpin tempatan dan pekedai | 282 |
| Lampiran D | : | Surat Perlantikan Haji Mangku Salam sebagai Ketua Kampung Terusan | 285 |

**LAMPIRAN Q**

**Contoh Penulisan Tajuk-Tajuk Kecil**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# BAB 2

2 X 1.5 Langkau (2 kali ketuk *ENTER*)

# OBJEKTIF KAJIAN

3 X 1.5 Langkau (3 kali ketuk *ENTER*)

**1.5 Objektif Kajian**

} *(1 x 1.5 langkau)*

Penyelidik menggariskan tiga objektif dalam kajian ini:

Membuat perbincangan mengenai masyarakat Dusun daripada perspektif komuniti itu

} *(2 x 1.5 langkau)*

**1.5.1 Konsep Kajian**

Terdapat empat konsep yang menjadi asas kepada pengkajian ini dilakukan.......

} *(1 x 1.5 langkau)*

**1.5.1.1 Masyarakat**

Dalam mengkaji manusia aspek budaya yang dimiliki dan tingkah laku budayanya dititik

} *(1 x 1.5 langkau)*

**a. Keperluan Objek / Bahan**

Bahan-bahan yang diperlukan dalam kajian ini adalah...

} *(2 x 1.5 langkau)*

**1.6 Objektif Kajian**

} *(1 x 1.5 langkau)*

**1.6.1 Nitrat**

Terdapat empat konsep yang menjadi asas kepada pengkajian ini dilakukan.......

**LAMPIRAN R**

**Contoh Glosari**

***Gugusan Sains***

**SENARAI GLOSARI**

| | |
|---|---|
| Agranulosit | Sejenis sel darah putih tanpa granul sitoplasma |
| Blatofor | Lekukan pada gastrula pada peringakt awal embrio |
| Dendrit | Neuron yang menalar impuls |
| Diastol | Tempoh rehat semasa satu kitar kardium |
| Fagositosis | Cara pemakanan yang melibatkan makanan oleh dilingkungi oleh membran sel dan membentuk satu vakuol. |

***Gugusan Sastera/ Sains Sosial***

**SENARAI GLOSARI**

| | |
|---|---|
| Baptis | Upacara untuk mengkristiankan seseorang melalui upacara pemandian |
| Ekstrinsik | Berasal atau bertindak dari luar |
| Interpersonal | Hubungan sesama manusia |
| Kolerasi | Hubungan atau kaitan secara timbal balik |
| Transkrip | Rekod atau catatan rasmi mengenai kajian |

## LAMPIRAN S

## Contoh Penggunaan *Ibid*

Contoh ayat dalam teks:

....Penduduk di kawasan tersebut terdiri daripada subkumpulan etnik Gana[1] yang mengamalkan kepercayaan adat.[2] Walau bagaimanapun bagi beliau telah berubah. Semasa beliau tinggal di asrama, beliau telah terpengaruh dan terpikat dengan ajaran Kristian yang diajar oleh warden asrama tersebut.[3]...

**Contoh penulisan nota kaki dan penggunaan *Ibid.***

---

[1] Mohd Farid Linggi, *Kehidupan Dalam Tiga Dimensi,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm.9.

[2]. *Ibid.*

[3]. *Ibid.,* hlm. 63.

## LAMPIRAN T

## Format Menulis Senarai Rujukan

### a. Pengarang Tunggal

Contoh:

i. Ford, H. 1997. *The International Jew.* Johannesburg: Global Publisher.

ii. Magurran, A. E. 1988. *Ecological Diversity and its Measurement*. London: Croom Helm.

### b. Pengarang Bersama

Contoh:

i. Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafee Saad. 1991. *Bumi Kita Dipijak Milik Orang.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ii. Maryati, M., Azizah, H. & Arbain, K. 1996. Terrestrial Ants (Hymenoptera: Formicidea) of Poring, Kinabalu Park, Sabah. *In* Edwards, D. S., Booth, W. E. & Choy, S. C. *Tropical Rainforest Research-Current Issues*. *Monographiae Biologicae* (eds), pp. 117-123. Kluwer Academic Publishers, London.

### c. Edisi

Contoh:

i. Gilchrist, J. D. 1989. *Extractive Metallurgy.* (3rd edition). Oxford: Pergamon Press.
ii. Barnes, R.S.K. 1984. *Estuarine Biology* (2nd edition). London: Edward Arnold.

### d. Karya Dengan Judul Sahaja (Tanpa Pengarang)

Contoh:

Akta. 2001. *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 171)*. Kuala Lumpur: International Law Book Service.

**e. Karya Susunan**

Contoh:

Hamzah Hamdani (ed.). 1980. *Esei Sastera dalam Pengajaran, Penyelidikan dan Pentadbiran Universiti*. Kumpulan Kertas Kerja 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

**f. Karya Suntingan**

Contoh:

Rose, R. (ed).1974. *Electoral Behavior: A Comparative Handbook*. New York: Free Press.

**g. Karya Selenggaraan**

Contoh:

Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (ed). 1996. *Alam Pensejarahan dari Pelbagai Perspektif.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**h. Karya Terjemahan**

Contoh:

Wheare, K. C. 1980. *Kerajaan Persekutuan.* Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**i. Karya Berbilang Jilid**

Contoh:

*Ensiklopedia Pembangunan Sabah.* 1981. Jld. 6. Kota Kinabalu: Usaha Baru.

***Nota**: Jld. Bermaksud Jilid.

**j. Kertas Kadangkala**

Contoh:

Sharifah Rofidah Habib Hassan. 2003. Perayaan Di Sabah*. Kertas Kadangkala Bil. 2*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

**k. Monograf**

Contoh:

i. Zainah Ahmad. 2003. Politik Sabah Sebelum Penjajahan Jepun*. Monograf 3*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
ii. Mohammad Raduan Mohd. Ariff. 1993. Teknologi Pengangkapan Ikan di Sabah. *Khazanah*. *Siri Dokumentasi Akademi Pengajian Melayu*, Bil. 3, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

**l. Karya Dalam Jurnal**

Contoh:

Mahani Musa. 1999. Malay Secret Societies in Penang: 1830s-1920s. *Journal of the Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.* 65(2), 151-182.

**m. Berita/Rencana Dalam Akhbar**

Contoh (tanpa pengarang):

*The Borneo Post.* 1999. Crocker Range Expedition Begins. 16 Oktober: 9.

***Nota**: Nama Akhbar (.) Tahun (.) Tajuk Berita/ Rencana (.) Hari/Bulan (:) Halaman (.)

Contoh (dengan pengarang):

Philip Golingai. 2004. Primer on Primates. *Star.* 18 Januari: 4.

***Nota**:
Nama Pengarang (.) Tahun (.) Tajuk Berita/ Rencana (.) Nama Akhbar (,) Hari/Bulan (:) Halaman (.)

**n. Bab Dalam Buku**

Contoh:

i. Zaki Tahir. 2003. Pendatang Asing Di Sabah. *Dalam* Sharifah Habib Hasan dan Zainah Ahmad (eds.). *Kesan Politik.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Hlm. 18-38.

ii. Mustafa, S. & Ridzwan, A. R. 1998. Nucleic Acid Profiles in Mackerel, *Rastrelliger Kanagurta,* from West Coast of Sabah. *In* M. Mohamed, H. Bernard, (eds.). *Tropical Ecosystem Research in Sabah*, Kota Kinablua: UMS. Pp. 50-52.

iii. Sabihah Osman. 2000. Tawau: Pusat Kegiatan Ekonomi Orang Jepun. Dalam Abdul Halim (ed.). *Sabah dalam Perluasan Pasaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia., Hlm. 31.42.

**o. Karya Dalam Pascasidang**

Contoh:

i. Ismail Haji Ibrahim. 2000. Senario Seni Lukis Sabah: Stail dan Tema. *Borneo 2000: Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference.* UMS. Hlm. 557-586.

ii. Homathevi, R., Maryati, M., Eggleton, P., Jones, D. T. & Davies, R. G. 2000. Termites (Insecta: Isoptera) Fauna of Danum Valley Conservation Area, Sabah, East Malaysia. Borneo 2000: Environment, Conservation and Land. *Proceedings of Sixth Biennial Borneo Research Conference*. July 10-14, 2000. Kuching, Sarawak.

**p. Karya Dalam Majalah**

Contoh:

Aliran. 2000. Sarawak Native Blockade Pulp Mill Project. *Aliran 20*(10), 33.

**q. Ulasan Buku**

Contoh:

Badriyah Haji Salleh. 2001. Ulasan Buku J. H. Drabble. 2000. *An Economic History of Malaysia,* c. 1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth. Hampshire: Macmillan Press. *Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society 124*(1),111-114.

**r. Kertas Kerja, Laporan dan Minit Mesyuarat**

Contoh:

Minit Mesyuarat Seminar Pascasiswazah. 2002. *Minit Mesyuarat Seminar Pascasiswazah. Pusat Pengajian Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah Kali Pertama.* Kota Kinabalu. Sabah. 5 Jun.

**s. Tesis**

Contoh:

i. Mat Zin Mat Kib. 2000. *Perkembangan Mazhab-mazhab Agama Kristian di Sabah.* Tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

ii. Yap Beng Liang. 1977. *Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah*: *Satu Kajian Tentang Sistem Budaya*. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

**t. Filem dan Karya Muzik**

i. Filem

Contoh:
Ramlee, P. 1962. Laksamana Do Re Mi*. Filem Cereka*. Singapura: Shaw Brother.

ii. Video

Contoh:
Muzium Sabah. 1968. Menangkap Ketam Batu di Mengkabong, Tuaran, Sabah. *Filem Dokumentari*. Jabatan Muzium Sabah.

iii. Slaid

Contoh:
Pugh-Kitingan, J. 1976. Jenis-jenis Tarian Masyarakat Peribumi Sabah*. Slaid.* Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

iv. Karya Muzik
Contoh:
Johari Salleh. 1986. Lambaian Kasih dalam Citra Malaysia*. Chorus dan Orkestra*. Kassim Masdor (konduktor). Laserlight Series 12036. Santiago: Delta Music Incorporated.

v. CD-Rom

Contoh:
MacRae, S. 1995. Introduction to Research Design and Statistic*. CD Leicester*: British Pshychological Society.

vi. Temu bual

Contoh:

Stephens, B. 1998. Kegiatan Mubaligh Kristian di Sabah. *Temu bual*. 25 Mei 1998.

vii. Bahan Rujukan Elektronik

Contoh:

a. "Keputusan Mahkamah Internasional atas Permohonan

Intervensi Pemerintah Filipina dalam Kasus Pulau Sipadan dan Ligitan. Dipetik dari http://www.dfadeplu.go.id/policy/releases/2002/pr-56-251001.htm. Dicetak 13 September 2002.

a. Potter, L., Brookfield, H. & Byron, Y. 2002. The Eastern Sundaland region of South-east Asia, www.unu.edu/unupress/unupbooks/uu14re/uu14re14.htm. Dicetak 15 Oktober 2017

* Nota:

- Butiran bagi bahan rujukan elektronik hendaklah dicatat kesemua, termasuk tarikh bahan tersebut dicetak.
- Rujukan elektronik dari laman web persendirian tidak digalakkan melainkan dari pihak yang diiktiraf umum sebagai pakar atau pihak berkuasa atau mana-mana sumber rasmi.

**LAMPIRAN U**

**Contoh Rujukan**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# RUJUKAN


Allison, B, 1997. *Preparing Dissertations and Thesis.* London: Kogan Page Limited.

Cavina, Kristan, 1995, *Critical Thinking and Writing: A Developing Writesr's Guide with Readings,* Belmont : Wadsworth Publishing Company.

Creswell, John W., 1994. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches.* London: SAGE Publications.

Centre for Graduate Studies, 2005, *The UKM Style Guide* (2$^{nd}$ edition). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995. *Gaya Dewan* (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uinversiti Kebangsaan Malaysia. 1998. *Panduan Menulis Tesis Gaya UKM* (edisi keenam). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pusat Pengajian Siswazah. 2006. *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM* (edisi semak). Bangi: UKM.

Sekolah Sains & Teknologi. 2006. *Panduan Penulisan Disertasi* (edisi ketiga). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Saiz font 11, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar pada huruf pertama

**LAMPIRAN V**

**Contoh Lampiran**

Saiz font 14, Tahoma, ditebalkan, kedudukan tengah, huruf besar

# LAMPIRAN A

**Perjanjian Perlindungan Kerajaan British Terhadap Brunei Pada 17 September 1888**

LAMPIRAN C

**PERJANJIAN PERLINDUNGAN KERAJAAN BRITISH TERHADAP BRUNEI PADA 17 SEPTEMBER 1888**

17 September 1888 – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin telah menandatangani surat perjanjian dengan Sir Hugh Low mengenai perlindungan Kerajaan Baginda Queen terhadap Negeri Brunei.

Isi perjanjian itu adalah seperti berikut:

*BAB I*

Negeri Brunei akan terus diperintah dan ditadbirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dan pengganti-penggantinya sebagai negeri yang merdeka, di bawah perlindungan Great Britain: Tetapi perlindungan seumpama itu tidak memberikan hak kepada Kerajaan Baginda Queen untuk campurtangan dalam pentadbiran di negeri itu selain daripada yang disebutkan dalam persetujuan ini.

*BAB II*

Jika sekiranya sebarang persoalan timbul selepas ini mengenai dengan hak mewarisi takhta Kerajaan Sultan Brunei yang sekarang ini atau yang akan datang persoalan itu hendaklah dihadapkan kepada Kerajaan Baginda Queen untuk diputuskan.

*BAB III*

Perhubungan di antara Negeri Brunei dengan semua negeri asing, termasuk Negeri Sarawak dan Borneo Utara akan diuruskan oleh Kerajaan Baginda Queen, atau menurut arahan-arahannya: dan jika sebarang perselisihan berlaku di antara Sultan Brunei dengan sebarang Kerajaan negeri lain, Sultan Brunei bersetuju akan menurut keputusan Kerajaan Baginda Queen, dan menjalankan semua langkah-langkah yang perlu untuk mengikuti keputusan itu.

*BAB IV*

Kerajaan Baginda Queen akan berhak untuk mengadakan Pegawai-Pegawai Konsul British di sebarang tempat di Negeri Brunei, yang akan menerima kuasa dengan nama Sultan Brunei. Mereka akan diberikan segala keutamaan dan kemudahan yang biasa diberikan kepada Pegawai-Pegawai Konsul, serta mereka berhak menaikkan Bendera British di tempat tinggal dan di pejabat-pejabat mereka.

*BAB V*

Sebagai tambahan kepada hak-hak, keutamaan-keutamaan dan kemudahan yang sekarang ini yang diberikan kepada mereka menurut kuatkuasa perjanjian. Rakyat British dan perniagaan British serta perkapalan British akan berhak untuk menikmati sebarang hak, keutamaan dan kemudahan lain, yang mungkin dinikmati oleh rakyat Brunei, perniagaan Brunei dan perkapalan Negeri Brunei.

*BAB VI*

Penyerahan atau pemberian sebarang bahagian wilayah Negeri Brunei dengan secara apapun tidak akan dilakukan oleh Sultan Brunei kepada sebarang negeri asing, atau rakyat atau warganegara negeri-negeri itu, tanpa persetujuan Kerajaan Baginda Queen, tetapi sekatan ini tidaklah dikenakan bagi memberikan atau penyewaan tanah atau rumah biasa kepada orang-orang persendirian bagi maksud-maksud tempat tinggal, pertanian, perniagaan atau lain-lain urusan.

**CONTOH SUSUNAN DAN PANDUAN**
**TESIS BERKULIT KERAS**

**“SKALA SAIZ SEBENAR”**